

## Agong kurnia surat cara pelantikan 2 hakim

Februari 3, 2022



Al-Sultan Abdullah (tengah) bergambar pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Istana Negara hari ini. Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, hari ini, mengurniakan surat cara pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan kepada Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah, pada majlis berlangsung di Istana Negara di sini.

Selain itu, baginda turut mengurniakan surat cara pelantikan Hakim Mahkamah Rayuan kepada Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Turut hadir pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim Mahkamah Rayuan itu ialah Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat serta Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Rohana Yusuf; Hakim Besar Malaya, Tan Sri Azahar Mohamed serta Hakim Besar Sabah dan Sarawak Datuk Abang Iskandar Abang Hashim.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Mohamad Zabidin sebelum ini adalah Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik pada 28 Julai 2006 sebelum menjadi Hakim Mahkamah Rayuan pada 26 November 2018.

Mohd Nazlan pula pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Kehakiman mulai 10 April 2015 sebelum dilantik Hakim Mahkamah Tinggi pada 30 Januari 2017. – BERNAMA